

Jual dadah di kedai keranda

KLANG - Taktik seorang lelaki yang menjadikan premis menjual keranda untuk mengedar ganja terbongkar apabila dia ditahan bersama pembantunya dalam serbuan di Taman Sentosa di sini Jumaat lalu.

Dalam serbuan pukul 2.30 pagi itu, polis merampas enam ketulan mampat dan beberapa bungkusan kecil

ganja seberat 6.4 kilogram bernilai RM21,000 yang disembunyikan di dalam kotak colok dan satu uncang kain.

Kedua-duanya diletakkan di bawah meja dalam sebuah bilik pejabat premis tersebut oleh suspek berusia di antara 38 dan 44 tahun tersebut.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Mohamad Mat Yusop berkata, siasatan awal mendapati, suspek menjual ganja itu dengan harga RM2,800 sekilogram.

"Pemilik kedai yang mempunyai rekod jenayah lampau membabitkan dadah dan pe-

kerjanya kini ditahan reman mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Sementara itu di **Muar**, Johor, polis memberkas pasangan kekasih serta lapan penagih dalam serbuan di sebuah ladang kelapa sawit di Jalan Kimki, Bukit Pasir pada pukul 11 pagi semalam.

Polis turut merampas empat paket heroin seberat 60.32 gram, wang RM800 serta enam telefon bimbit yang dipercayai menjadi barang tukaran untuk membeli dadah oleh enam penagih berusia 27 hingga 44 tahun itu.



MOHAMAD menunjukkan ketulan mampat ganja yang dirampas daripada dua lelaki pada sidang akhbar di Klang semalam.